

Analisis Kosmo!

Jangan sampai terjebak penipuan bisnes online

SABAN hari, banyak perbualan mengenai e-dagang yang kita dengar dan lihat sama ada melalui siaran televisyen, sosial media, blog mahupun surat khabar. Di Malaysia, perkembangan teknologi maklumat yang pesat secara tidak langsung turut mendorong kepada kemajuan ekonomi Malaysia.

Malah, pertambahan mendadak pengguna internet di negara ini menjadi fenomena besar terhadap dunia perdagangan maya.

Internet terbukti memberikan kesan dan manfaat berskala besar kepada manusia di seluruh dunia termasuk melibatkan komuniti usahawan.

Mengapa e-dagang begitu popular dan menjadi perbualan orang ramai terutama usahawan?

Ini kerana e-dagang dapat memberi banyak impak dan manfaat dalam kalangan usahawan di seluruh dunia bagi tujuan menjual produk dan menawarkan perkhidmatan.

Platform perdagangan elektronik atau e-dagang semakin dikenali ramai kerana ia memudahkan pengguna tanpa perlu ke kedai untuk membeli-belah.

Ia juga memudahkan penjual bagi memasarkan barangan mereka tanpa perlu membuka kedai. Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini, semakin banyak kes penipuan dilaporkan oleh pihak penguat kuasa berkaitan pembelian menerusi platform online.

⚠ Kes jenayah siber merekodkan kerugian RM250 juta hanya dalam tempoh enam bulan sejak Januari lalu

Menurut laporan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman baru-baru ini, kes jenayah siber telah merekodkan anggaran kerugian bernilai RM250 juta hanya dalam tempoh enam bulan sejak Januari lalu.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Zakaria Ahmad berkata, pihaknya juga menerima sebanyak 5,069 aduan kes berkaitan dan telah menahan sebanyak 1,973 individu yang dipercayai terlibat dengan kegiatan jenayah itu.

Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) turut mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada ketika membeli barangan secara dalam talian.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dilaporkan berkata, ia susulan daripada peningkatan jumlah pendaftaran syarikat e-dagang di negara ini.

"Dalam tempoh Januari hingga Jun lepas, kementerian menerima 11,393 kes membabitkan pelbagai



Di Sebalik Isu Panas

Bersama
WAN AMSYAR JAILANI

aduan daripada rakyat.

“Daripada jumlah itu, 25.7 peratus merupakan aduan berkaitan penipuan transaksi secara dalam talian yang mana ia merupakan aduan kedua tertinggi selepas aduan berkaitan harga barang,” katanya.

Kaedah bayaran semasa penghantaran (COD) adalah antara cara untuk mengelak pengguna daripada ditipu pen- jual online.

Susulan itu, Saifuddin menasih- atkan pembeli su- paya lebih berhati- hati sekiranya mahu membuat transaksi secara atas online bu- kan sahaja kepada syarikat

tetapi juga menerusi individu yang menjual barangan dengan cara itu.

“Sementara itu, Timbalan Pres- iden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman menggesa kera- jaan mengkaji semula Akta Perihal Dagangan 2011 supaya hukuman lebih berat dapat dikenakan kepada pesalah.

Menurutnya, perlu ada tindakan tegas dengan memperketatkan un- dang-undang sedia ada demi mem- banteras isu penipuan dalam e-da- gang itu.

“Selari dengan perkembangan teknologi, para pembeli juga semes-

tinya mahukan kemudahan seperti e-dagang. Namun ada juga golon- gan tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan terhadap teknologi tersebut dengan menipu para pembeli.

“Pembeli perlu berwaspada sebe- lum membuat transaksi, dan pihak penguat kuasa juga perlu ambil tindakan tegas terhadap pesalah,” tegasnya.

Sementara itu, membeli-belah online juga mempunyai risiko terhad- ap produk. Ia merujuk kepada kualiti sebuah produk, prestasi, ke- palsuan produk dan masalah lain yang berkaitan dengan produk terse- but contohnya sama ada produk itu mempunyai kualiti yang sama seperti dipaparkan dalam iklan.

Seorang mangsa penipuan yang enggan dikenali berkata, dia pernah membuat pembelian online namun barang yang diterima tidak sama seperti yang diiklankan.

“Saya pernah beli menggunakan platform media sosial. Pada mulanya saya tidak mengesyaki apa-apa dan penjual tersebut memberi servis yang baik dan tidak mencurigakan.

“Namun, selepas bungkusan ba- rang yang dibeli itu sampai, saya amat terkejut apabila mendapati barang itu tidak seperti yang diiklan- kan. Penjual tersebut juga gagal un- tuk dihubungi,” katanya.

Kesimpulannya, urus niaga secara online ini mempunyai kesan negatif dan positif.

Bagaimanapun, jika dimanfaatkan dengan baik, urus niaga ini mampu memberi impak besar kepada produk dan imej negara di persada antara- bangsa.